



Nestlé Good food, Good life

Siaran Berita

Petaling Jaya, Disember 23, 2020

Nestlé Tunai Janji Sumbang RM15 Juta Kepada Usaha Bantuan COVID-19

Mengakhiri tahun dengan menderma bekalan sekolah kepada lebih 1,100 keluarga di seluruh Malaysia

Menyusuli janji yang dibuat pada awal tahun ini untuk menyumbang RM15 juta demi menyokong rakyat Malaysia mengharungi pandemik COVID-19, Nestlé Malaysia hari ini mengumumkan kejayaannya memenuhi komitmen tersebut, dengan melabur dalam usaha untuk menghulurkan bantuan kepada golongan yang paling terkesan dengan pandemik ini. Usaha sepanjang tahun Syarikat menutup tirai dengan Program Nestlé Cares Kembali Ke Sekolah, yang dianjurkan bersama Empire Project NGO, untuk menyumbang pakaian seragam dan bekalan keperluan sekolah serta produk Nestlé kepada lebih 1,100 keluarga berpendapatan rendah.

Antara inisiatif yang telah dijalankan bagi program ini termasuklah kerjasama Nestlé dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) untuk mengedarkan produk makanan dan minuman (F&B) bagi membantu membekalkan khasiat pemakanan kepada petugas barisan hadapan dan komuniti yang memerlukan, di samping sumbangan tunai RM1 juta untuk menaik taraf peralatan perubatan kecemasan dalam ambulans PBSM.

Sepanjang tahun ini, beberapa inisiatif lain juga telah dilaksanakan untuk meningkatkan taraf hidup komuniti terdedah, terutamanya dalam kalangan B40 serta perusahaan kecil dan sederhana yang terkesan. Ini termasuk Peraduan Nestlé Gaji Seumur Hidup, di mana Nestlé telah memanfaatkan peluang untuk membantu masyarakat dengan memberikan sumbangan kepada 17 badan pertubuhan amal, yang telah dicalonkan oleh 17 peserta akhir peraduan tersebut. Program Bangkit Bersama Nestlé juga telah dilancarkan untuk menyokong pengendali F&B tempatan menerusi program-program bantuan perniagaan dan sumbangan tunai.

Sejak permulaan Perintah Kawalan Pergerakan pada awal tahun, jenama popular seperti MAGGI, MILO, dan KITKAT juga telah memberikan sokongan kepada rakyat Malaysia menerusi pelbagai program kemasyarakatan, termasuk pengagihan MAGGI Bubur Lambuk, pemberian pek makanan MAGGI SAH Malaysia kepada komuniti B40, sumbangan produk e-dagang MILO Skuad Kebaikan kepada komuniti yang terdedah dan kempen KITKAT Break Bus untuk kakitangan penjagaan kesihatan.

Unit Perniagaan Susu Nestlé turut menyelaraskan kempen mengutip derma secara besar-besaran, menerusi tajaan Susu EVERYDAY bernilai lebih RM4.5 juta bagi lebih 85,000 rakyat Malaysia daripada komuniti yang terdedah yang terkesan dengan COVID-19, termasuk penduduk PPR, rumah-rumah kebajikan, dan juga petugas barisan hadapan di hospital-hospital di seluruh Malaysia.

Sumbangan Khas ke Malaysia Timur

Memandangkan keadaan penularan pandemik di Malaysia Timur, Nestlé Malaysia telah menyumbangkan produk dan wang tunai bernilai lebih daripada RM541,000 kepada lebih daripada 30,000 penduduk Sabah, termasuk kakitangan barisan hadapan serta keluarga dan komuniti yang memerlukan. Kumpulan mengedarkan produk kepada sejumlah 8,840 pekerja penjagaan kesihatan di hospital-hospital di seluruh negeri, iaitu Hospital Kota Kinabalu, Hospital Lahad Datu, Hospital Sandakan, Hospital Semporna, Hospital Tawau, Klinik Kesihatan Sandakan, Hospital Tuaran, Hospital Papar dan Hospital Kota Belud.

Dengan matlamat menghulurkan tangan kepada masyarakat menerusi kerjasama dengan PBSM, pengagihan dari rumah ke rumah telah dilakukan di lebih daripada 16 daerah, termasuk daerah aktif untuk membantu kumpulan-kumpulan terdedah yang memerlukan, meliputi kawasan seperti Sandakan, Semporna, Lahad Datu dan Keningau, dengan lebih daripada 3,000 keluarga menerima rangkaian produknya. Nestlé turut menyampaikan sumbangan tunai sebanyak RM100,000 kepada PBSM bagi digunakan untuk membeli peralatan perlindungan diri bagi kakitangan barisan hadapan dan barang keperluan masyarakat seperti lampin, sabun dan ubat gigi.

Untuk membantu mempersiapkan murid-murid bagi tahun persekolahan baharu pada 2021, Nestlé telah membantu 150 keluarga di Sabah menerusi kempen Kembali Ke Sekolah. Dalam kempen ini, Nestlé membekalkan pakaian seragam sekolah, kasut sekolah, beg sekolah dan alat tulis baharu, di samping Pek Penjagaan Keluarga yang mengandungi produk Nestlé untuk membekalkan khasiat pemakanan kepada keluarga-keluarga terbabit.

Sumbangan ke Pantai Timur

Sebagai tindak balas kepada banjir yang melanda Pantai Timur, Nestlé menyampaikan bantuan menerusi PBSM dengan menyumbangkan wang tunai dan produk bernilai hampir RM200,000. Produk-produk tersebut diedarkan ke Terengganu, Pahang dan Kelantan, untuk membantu kira-kira 500 keluarga.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, Dengan sukacitanya saya memaklumkan bahawa kami telah memenuhi janji untuk menyalurkan RM15 juta ke dalam usaha bantuan COVID-19 dan usaha-usaha sokongan kemasyarakatan. Kami sedar bahawa inisiatif-inisiatif ini telah meringankan beban keluarga-keluarga yang memerlukan, dan rakyat Malaysia boleh mengharapkan Nestlé untuk terus memberikan bantuan kepada komuniti terdedah di seluruh negara.”

Tentang Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan ibu pejabat yang terletak di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 buah negara di seluruh dunia dan kesemua pekerja kami seramai 291,000 orang komited dalam membantu mencapai tujuan Nestlé untuk merungkai kuasa makanan demi meningkatkan kualiti kehidupan bagi semua, pada hari ini dan untuk generasi akan datang. Matlamat kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak tahun 1912, Nestlé dipercayai oleh para pengguna kami menerusi jenama-jenama dan produk kami yang berkualiti. Kami komited dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di mana saja kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal. Ini selaras dengan janji kami dalam memberikan “GOOD FOOD, GOOD LIFE” kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana kami telah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat selama lebih satu abad, sila layari www.nestle.com.my atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6650

Mobile: +6012 353 1337

E-mail: Maxine.Lim@my.nestle.com

Alya Nurina or Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

Mobile: +6010 -221 8216 (Alya) atau

+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mail: acorncommunications@acornco.com.my